

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. PUAN ALICE LAU KIONG YIENG
(LANANG)**
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 11.06.2014

Y.B. PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [LANANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

(a) jumlah Rumah Mesra Rakyat (RMR) di bawah Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) yang telah siap dibina di negeri Sarawak terutama di Sibu sejak skim ini diperkenalkan; dan

(b) jumlah permohonan serta peratusan yang berjaya memiliki Rumah Mesra Rakyat (RMR) mengikut pecahan di setiap negeri sejak rancangan ini mula dilaksanakan dan tindakan Kerajaan untuk membantu mengurangkan beban pembeli rumah itu disebabkan faktor kenaikan kos

binaan dan harga tanah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, SPNB merupakan syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) yang dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan untuk menyediakan Rumah Mesra Rakyat (RMR) bagi membantu golongan berpendapatan rendah seperti nelayan, petani dan keluarga miskin yang tidak mempunyai rumah atau tinggal di rumah usang (daif), tetapi mempunyai tanah untuk mendirikan rumah sendiri yang sempurna dan selesa.

Program RMR dibiayai melalui subsidi oleh Kerajaan, iaitu pada kadar RM15,000 hingga RM20,000 seunit dan ditawarkan dengan rekabentuk menarik berkonsepkan rumah berkeluasan 700 kaki persegi hingga 1,000 kaki persegi dengan komposisi 2 bilik tidur dan 2 bilik air dan 3 bilik tidur dan 2 bilik air. Pakej yang menarik ini telah menjadi sangat popular sehingga bilangan permohonan yang diterima melebihi jumlah penawaran